



UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI JABATAN PELANCONGAN NEGERI TERENGGANU

PENGURUSAN PEMBANGUNAN ZON BEBAS CUKAI TASIK KENYIR

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Tasik Kenyir merupakan tasik buatan manusia terbesar di Asia Tenggara. Keluasan Tasik Kenyir melebihi 260,000 hektar bermula di barat ke Kelantan dan selatan ke Pahang. Terdapat lebih daripada 340 pulau, 14 air terjun lata, jeram-jeram dan sungai di Tasik Kenyir yang sesuai untuk kehidupan pelbagai spesies ikan air tawar serta flora dan fauna. Kepelbagaian alam semula jadi menjadikan Tasik Kenyir sangat sesuai dibangunkan sebagai destinasi pelancongan.
- Pada 23 Oktober 2010, Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan pewartaan Tasik Kenyir sebagai zon bebas cukai kepada Kementerian Kewangan. Permohonan pewartaan bertujuan mengukuhkan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Tasik Kenyir sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa. Pada 14 Disember 2015, Kementerian Kewangan telah meluluskan pewartaan Zon Bebas Cukai Tasik Kenyir (ZBCTK) dan pewartaan tersebut berkuat kuasa pada 1 Februari 2017.
- Pembangunan ZBCTK Fasa Satu tertumpu kepada pembangunan di Pengkalan Gawi dan Pulau Bayas. Pembangunan Pengkalan Gawi tertumpu kepada pembinaan kompleks dan kuarters Kastam serta Marina Pengkalan Gawi. Pembangunan di Pulau Bayas pula bertujuan menjadikannya sebagai pulau bebas cukai setaraf dengan Pulau Langkawi, Kedah. Pembangunan di Pulau Bayas merupakan pemangkin utama dalam memastikan kejayaan pelaksanaan pembangunan ZBCTK. Kos keseluruhan projek di Pengkalan Gawi dan Pulau Bayas berjumlah RM612.27 juta.

- Pengauditan meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan pembangunan Zon Bebas Cukai Tasik Kenyir Fasa Satu yang melibatkan pembangunan projek pembinaan kompleks dan kuarters Kastam, Marina Pengkalan Gawi dan pulau bebas cukai di Pulau Bayas. Skop pengauditan meliputi tahun 2010 hingga 2022.
- Prestasi program dinilai berdasarkan pencapaian output dan tahap keberhasilan. Pencapaian output dinilai berdasarkan status pencapaian fizikal projek manakala, pencapaian keberhasilan dinilai berdasarkan pencapaian sasaran meningkatkan jumlah kedatangan pengunjung.
- Aspek pengurusan pula dinilai berdasarkan prestasi kewangan, pengurusan pentadbiran kontrak dan pengurusan pemantauan projek.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada Pengurusan Pembangunan Zon Bebas Cukai Tasik Kenyir telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan iaitu untuk mengukuhkan fungsi Tasik Kenyir sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa.

Apa yang ditemui Audit?

- Sebanyak tiga projek pembangunan telah dirancang untuk dilaksanakan bagi pembangunan ZBCTK Fasa Satu dengan peruntukan daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM612.27 juta. Bagaimanapun, hanya dua projek dapat disiapkan iaitu Marina Pengkalan Gawi serta kompleks dan kuarters Kastam di Pengkalan Gawi dengan kos RM368.51 juta. Manakala projek pembangunan pulau bebas cukai di Pulau Bayas yang menelan belanja sejumlah RM179.57 juta gagal disiapkan dan terbengkalai. Ini menyebabkan objektif pembangunan zon bebas cukai di Tasik Kenyir tidak tercapai kerana ia merupakan komponen utama pembangunan ZBCTK.
- Selain itu, penemuan utama Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:
 - ketidakpatuhan kepada prosedur menyebabkan Kerajaan Negeri tidak dapat mengenakan tuntutan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) sejumlah RM3.21 juta kepada kontraktor terlibat; dan

- kegagalan penyediaan kawalan keselamatan di tapak projek selepas penamatan bersama menyebabkan berlaku kerosakan dan kehilangan peralatan.

**Apa yang
disyorkan
Audit?**

- Berdasarkan penemuan Audit yang telah dibangkitkan, Jabatan Audit Negara mengesyorkan UPEN mengambil tindakan berikut:
 - menentukan hala tuju projek di Pulau Bayas agar tindakan bersesuaian dapat diambil kerana sejumlah RM179.57 juta telah dibelanjakan untuk projek ini; dan
 - mengenal pasti punca ketidakpatuhan prosedur yang mengakibatkan Kerajaan Negeri tidak dapat mengenakan LAD sejumlah RM3.21 juta.

UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI

JABATAN PELANCONGAN NEGERI

TERENGGANU

1. PENGURUSAN PEMBANGUNAN ZON BEBAS CUKAI TASIK KENYIR

FAKTA UTAMA

RM612.27 juta Peruntukan	RM548.08 juta Perbelanjaan
Unit Perancang Ekonomi Negeri	Menyalurkan peruntukan, merancang dan menyelaraskan pembangunan sektor pelancongan di Tasik Kenyir.
Pejabat Pelancongan Negeri Terengganu	Merancang dan menyelaraskan pembangunan sektor pelancongan di Tasik Kenyir
Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu	Selaku penguasa projek yang bertanggungjawab secara langsung dalam aspek pemantauan pelaksanaan projek
Projek Pembangunan	1. Marina Pengkalan Gawi & Jambatan ke Pulau Poh, Tasik Kenyir. 2. Pembangunan Pulau Bebas Cukai (Pulau Bayas) 3. Pembangunan Kompleks dan Kuarters Kastam

1. LATAR BELAKANG

1.1. Tasik Kenyir merupakan tasik buatan manusia terbesar di Asia Tenggara. Keluasan Tasik Kenyir melebihi 260,000 hektar (ha) bermula di barat ke Kelantan dan selatan ke Pahang. Ia terbentuk daripada beberapa sungai kesan daripada pembinaan empangan dari tahun 1978 hingga 1985 bagi mewujudkan Stesen Jana Kuasa Hidroelektrik Sultan Mahmud di negeri Terengganu.


1.2. Pada 12 Jun 1993, Kawasan Pembangunan Tasik Kenyir, Hulu Terengganu seluas 209,199 hektar telah diwartakan melalui P.U.(B) 356 dan pelan warta kawasan No. PW486 sebagai sebahagian daripada kawasan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH).

1.3. Terdapat lebih daripada 340 pulau, 14 air terjun lata, jeram-jeram dan sungai di Tasik Kenyir yang sesuai untuk kehidupan pelbagai spesies ikan air tawar serta flora dan fauna. Kepelbagaian alam semula jadi menjadikan Tasik Kenyir sangat sesuai

dibangunkan sebagai destinasi pelancongan. Ekoran itu, Kerajaan Negeri telah melaksanakan kajian Pelan Induk Pembangunan Tasik Kenyir pada tahun 1998 bagi menilai kebolehlaksanaan pembangunan terhadap kawasan tasik tersebut. Hasil daripada kajian tersebut, Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan pembangunan Tasik Kenyir sebagai salah satu destinasi pelancongan utama negeri Terengganu.

1.4. Permohonan pewartaan Tasik Kenyir sebagai zon bebas cukai oleh Kerajaan Negeri kepada Kementerian Kewangan telah dibuat pada 23 Oktober 2010 bagi mengukuhkan hasrat Kerajaan Negeri dalam menjadikan Tasik Kenyir sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa. Pada 14 Disember 2015, Kementerian Kewangan telah meluluskan pewartaan Zon Bebas Cukai Tasik Kenyir (ZBCTK) meliputi kawasan seluas 65,650 ha termasuk kawasan badan air, 339 pulau dan Pengkalan Gawi. Sehubungan itu, pewartaan ZBCTK telah dibuat pada 27 Januari 2017 melalui pelan warta kawasan No. PW 846 dan berkuat kuasa pada 1 Februari 2017. Faedah pembentukan zon bebas cukai di Tasik Kenyir adalah seperti dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1
FAEDAH PEMBENTUKAN ZON BEBAS CUKAI DI TASIK KENYIR



Sumber: JPNT

1.5. Berdasarkan Kajian Pembangunan Zon Bebas Cukai Tasik Kenyir oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) pada tahun 2010, pembangunan ZBCTK dibahagikan kepada tiga fasa pembangunan di mana setiap fasa merangkumi tempoh selama tiga tahun. Fasa Satu merupakan fasa pembangunan

awal manakala Fasa Dua merupakan fasa pembangunan pertengahan. Fasa Tiga pula merupakan rizab pembangunan masa hadapan yang dikhaskan untuk memenuhi keperluan dan permintaan zon bebas cukai pada masa hadapan. Butiran terperinci setiap fasa adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
FASA PEMBANGUNAN ZBCTK

FASA	PERIHAL PEMBANGUNAN
FASA SATU (2011-2013)	• Kompleks dan Kuarters Kastam (Pengkalan Gawi) • Jeti (Pulau Bayas dan Pengkalan Gawi) • <i>Kenyir Trade Centre</i> • <i>Bayas Square</i> • <i>Green Resort</i> • <i>Kenyir Warrior Park</i> • <i>Royal Resort</i> • Pusat Mini Konvensyen • <i>Bayas Water Pool</i> • Bistro/kafe • Bekalan elektrik • Sistem telekomunikasi • Kemudahan utiliti
FASA DUA (2014-2016)	• <i>Green Resort</i> (penambahan dari Fasa Satu) • <i>Kenyir Health Centre</i> • Jeti (resort) • <i>Kenyir Team Building Centre</i> • <i>Bayas Eco Orchard</i> • Kemudahan infrastruktur dan utiliti
FASA TIGA (2017-2019)	• <i>Kenyir Second Home</i> • <i>Green Resort</i> (penambahan dari Fasa Dua) • <i>Kenyir Trade Centre</i> (automotif) • Kemudahan rekreasi keluarga • Infrastruktur

Sumber: Kajian Pembangunan Zon Bebas Cukai Tasik Kenyir oleh UTM

1.6. Pembangunan ZBCTK Fasa Satu tertumpu kepada pembangunan di Pengkalan Gawi dan Pulau Bayas. Pengkalan Gawi berperanan sebagai pintu masuk utama ke Tasik Kenyir. Pembangunan Pengkalan Gawi tertumpu kepada pembinaan kompleks dan kuarters Kastam serta Marina Pengkalan Gawi. Pembangunan di Pulau Bayas pula bertujuan menjadikannya sebagai pulau bebas cukai setaraf dengan Pulau Langkawi, Kedah. Pembangunan di Pulau Bayas merupakan pemangkin utama dalam memastikan kejayaan pelaksanaan pembangunan ZBCTK. Kos keseluruhan projek di Pengkalan Gawi dan Pulau Bayas berjumlah RM612.27 juta seperti dalam **Jadual 2**.


JADUAL 2
KOS PROJEK PEMBANGUNAN
ZON BEBAS CUKAI FASA SATU DI TASIK KENYIR

BIL.	PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)
1.	Marina Pengkalan Gawi & Jambatan ke Pulau Poh, Tasik Kenyir	330.93
2.	Pembangunan Pulau Bebas Cukai (Pulau Bayas)	243.56
3.	Pembangunan Kompleks dan Kuarters Kastam	37.78
JUMLAH		612.27

Sumber: Dokumen Kontrak Projek oleh JPNT

1.7. Pulau Bayas merupakan salah sebuah pulau di Tasik Kenyir dan terletak 9 kilometer dari Pengkalan Gawi. Tempoh masa perjalanan antara Pulau Bayas dari Pengkalan Gawi dengan menaiki bot laju adalah selama 15 minit. Pulau Bayas dipilih sebagai pulau bebas cukai kerana kedudukannya yang strategik iaitu terletak di laluan utama ke lain-lain tarikan di selatan Tasik Kenyir, mempunyai kualiti visual yang menarik dan terlindung daripada angin kencang. Selain itu, Pulau Bayas juga merupakan pulau terbesar di antara 340 buah pulau yang ada di Tasik Kenyir. **Rajah 2** menunjukkan kedudukan pulau dan jalinan perhubungan antara Pengkalan Gawi selaku pintu masuk ZBCTK dengan Pulau Bayas.

RAJAH 2
JALINAN PERHUBUNGAN ANTARA PENGKALAN GAWI DAN PULAU BAYAS



Sumber: Kajian Pembangunan Zon Bebas Cukai Tasik Kenyir oleh UTM

1.8. Agensi Kerajaan yang terlibat bagi memastikan kejayaan pelaksanaan pembangunan ZBCTK terdiri daripada UPEN, Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu (JPNT), KETENGAH dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Terengganu. UPEN dan JPNT bertanggungjawab merancang dan menyelaraskan pembangunan sektor pelancongan di Tasik Kenyir. Manakala KETENGAH dan JKR bertindak sebagai penguasa projek (PP) yang bertanggungjawab secara langsung dalam aspek pemantauan pelaksanaan projek.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Pengurusan Pembangunan Zon Bebas Cukai Tasik Kenyir telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan iaitu bagi mengukuhkan hasrat Kerajaan Negeri Terengganu untuk menjadikan Tasik Kenyir sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa.

3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan pembangunan Zon Bebas Cukai Tasik Kenyir bagi fasa satu yang melibatkan pembangunan projek pembinaan kompleks dan kuarters Kastam, Marina Pengkalan Gawi dan pulau bebas cukai di Pulau Bayas. Skop pengauditan meliputi tahun 2010 hingga 2022. Prestasi program dinilai berdasarkan pencapaian output dan tahap keberhasilan. Pencapaian output dinilai berdasarkan status pencapaian fizikal projek manakala pencapaian keberhasilan dinilai berdasarkan pencapaian sasaran meningkatkan jumlah kedatangan pengunjung. Aspek pengurusan pula dinilai berdasarkan prestasi kewangan, pengurusan pentadbiran kontrak dan pengurusan pemantauan projek.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi semakan fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan pengurusan pembangunan ZBCTK. Selain itu, lawatan Audit ke lokasi projek di Pengkalan Gawi dan Pulau Bayas telah dijalankan bersama pegawai JPNT dan KETENGAH. Analisis Audit, temu bual dan perbincangan dengan kakitangan yang terlibat turut dilaksanakan.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Januari hingga Jun 2023 di pejabat UPEN, JPNT dan KETENGAH. Maklum balas pemerhatian Audit telah diterima pada 13 Julai dan 10 Ogos 2023 serta telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 2 Ogos 2023. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

5.1. Prestasi Pembangunan

5.1.1. Pencapaian Output

5.1.1.1. Status Pencapaian Fizikal Projek

Pembangunan ZBCTK fasa satu melibatkan tiga projek pembangunan iaitu dua di Pengkalan Gawi dan satu di Pulau Bayas. Pembangunan di Pengkalan Gawi melibatkan pembinaan kompleks dan kuarters Kastam serta Marina Pengkalan Gawi manakala projek pembangunan di Pulau Bayas melibatkan enam pakej antaranya pembinaan Kenyir Trade Center dan bangunan terminal utama. Kos keseluruhan projek di Pengkalan Gawi dan Pulau Bayas berjumlah RM612.27 juta. Sehingga akhir tahun 2022, pihak Audit mendapati **dua daripada tiga projek yang dilaksanakan telah siap iaitu pembinaan kompleks dan kuarters Kastam serta Marina Pengkalan Gawi. Bagaimanapun, projek pembinaan di Pulau Bayas gagal disiapkan dan berada dalam keadaan terbengkalai.** Maklumat lanjut status pencapaian fizikal projek adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
STATUS PENCAPAIAN FIZIKAL PROJEK PEMBANGUNAN
ZON BEBAS CUKAI TASIK KENYIR FASA SATU

BIL.	PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	STATUS PROJEK
1.	Marina Pengkalan Gawi & Jambatan ke Pulau Poh, Tasik Kenyir	330.93	SIAP
2.	Kompleks dan Kuarters Kastam (Pengkalan Gawi)	37.78	SIAP
3.	Pembangunan Pulau Bebas Cukai (Pulau Bayas)	243.56	TERBENGKALAI
JUMLAH		612.27	

Sumber: Laporan Projek Pembangunan di Tasik Kenyir oleh KETENGAH

a. Projek Siap

Pengkalan Gawi berperanan sebagai pintu masuk ZBCTK. Projek pembangunan di Pengkalan Gawi melibatkan pembinaan kompleks dan kuarters Kastam serta Marina Pengkalan Gawi. JKR telah dipertanggungjawabkan sebagai PP bagi pelaksanaan kedua-dua projek tersebut melibatkan peruntukan keseluruhan projek sejumlah RM368.71 juta. Daripada jumlah peruntukan tersebut, sejumlah RM368.51 juta atau 99.9% telah dibelanjakan. Semakan Audit mendapati kedua-dua projek tersebut telah disiapkan dan maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PELAKSANAAN PROJEK DI PENGKALAN GAWI

PELAKSANAAN PROJEK DI PENGKALAN GAWI						
BIL.	PERIHAL PROJEK	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	BIL. EOT*	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)
A. KOMPLEKS DAN KUARTERS KASTAM						
1.	Cadangan Kerja-kerja Tanah bagi Pembangunan Kuarters Perumahan Kastam di Pengkalan Gawi, Tasik Kenyir, Hulu Terengganu	23.04.2012	28.02.2013	1	2.38	2.38
2.	Cadangan Pembinaan Kuarters Perumahan Kastam di Pengkalan Gawi, Tasik Kenyir, Hulu Terengganu	02.02.2013	22.01.2017	4	20.0	19.80
3.	Membina dan Menyiapkan Blok Pentadbiran dan Lain-lain Kerja Berkaitan di Kompleks Kastam Diraja Malaysia, di Pengkalan Gawi Tasik Kenyir, Hulu Terengganu	02.07.2012	08.08.2014	2	6.37	6.37
4.	Membina dan Menyiapkan Pagar Persempadanan Kawasan Bebas Cukai Tasik Kenyir	19.05.2013	08.03.2014	-	1.40	1.40
5.	Pasukan Perunding Arkitek untuk Cadangan Komponen Pembangunan Kawasan Bebas Cukai Tasik Kenyir (Kompleks Perniagaan)	Tidak Berkenaan			7.63	7.63
JUMLAH					37.78	37.58
B. MARINA PENGKALAN GAWI						
1.	Merekabentuk, Membina dan Menyiapkan Marina Pengkalan Gawi dan Jambatan ke Pulau Poh, Tasik Kenyir	16.06.2014	24.10.2021	5	330.93	330.93
JUMLAH					330.93	330.93
JUMLAH KESELURUHAN					368.71	368.51

Sumber: Laporan Projek Pembangunan di Tasik Kenyir oleh KETENGAH

Nota: (*) - Extension of Time

i. Kompleks dan Kuarters Kastam

- Kompleks Kastam dibina di atas tanah berkeluasan 3.42 ekar merangkumi bangunan pentadbiran dan stor kuarantin. Pembinaan kuarters Kastam pula melibatkan keluasan tanah seluas 25 ekar yang terdiri daripada 82 unit kediaman iaitu dua unit banglo, lapan unit banglo berkembar, lima blok pangsapuri 3 tingkat (40 unit), empat blok pangsapuri 4 tingkat (32 unit), satu dewan dengan kapasiti 1,000 orang dan satu unit surau. **Gambar 1** hingga **Gambar 5** menunjukkan bangunan pentadbiran Kastam dan komponen kuarters yang telah disiapkan.

GAMBAR 1



Pengkalan Gawi, Tasik Kenyir
- Banglo Berkembar, Kuarters Kastam
(Sumber: JKR Terengganu)

GAMBAR 2



Pengkalan Gawi, Tasik Kenyir
- Dewan Serba Guna, Kuarters Kastam
(Sumber: JKR Terengganu)

GAMBAR 3



Pengkalan Gawi, Tasik Kenyir
- Pangsapuri 3 Tingkat, Kuarters Kastam
(Sumber: JKR Terengganu)

GAMBAR 4



Pengkalan Gawi, Tasik Kenyir
- Pangsapuri 4 Tingkat, Kuarters Kastam
(Sumber: JKR Terengganu)



GAMBAR 5

Pengkalan Gawi, Tasik Kenyir
- Bangunan Pentadbiran Kompleks Kastam
(22.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Semakan Audit mendapati Mesyuarat Jawatankuasa Zon Bebas Cukai pada 18 Jun 2017 telah bersetuju menyerahkan bangunan pentadbiran dan kuarters Kastam kepada KETENGAH bagi tujuan kawal selia. Bagaimanapun, segala bil utiliti, kawalan keselamatan, kawalan kebersihan dan penyelenggaraan masih di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Mesyuarat tersebut juga membuat keputusan agar 62 unit kuarters dan dewan serba guna diserahkan kepada KETENGAH memandangkan kakitangan Kastam hanya memerlukan 20 unit kediaman di kuarters tersebut. Sehubungan itu, baki unit kuarters tersebut digunakan sebagai kuarters Kerajaan Negeri.

- Semakan Audit selanjutnya mendapati **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang bermesyuarat pada 21 Oktober 2020 bersetuju menyerahkan keseluruhan 82 unit kuarters Kastam kepada Kolej Al-Quran Terengganu (KQT) sebagai pusat pengajian.**

ii. Marina Pengkalan Gawi

- Penyerahan projek Marina Pengkalan Gawi kepada UPEN telah dibuat pada 22 Disember 2021. Komponen Marina Pengkalan Gawi antaranya terdiri daripada jambatan ke Pulau Poh, jeti penumpang dan jeti kargo. Marina Pengkalan Gawi berperanan sebagai *one stop centre* bagi menempatkan semua bot laju dan rumah bot yang beroperasi di Tasik Kenyir. **Sehingga tarikh lawatan Audit pada 22 Mei 2023, Marina Pengkalan Gawi masih belum beroperasi sejak penyerahan dibuat kepada UPEN. Defects Liability Period (DLP) akan berakhir pada 24 Oktober 2023.** Sehubungan itu, sebarang kerosakan selepas DLP tamat terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Keadaan Marina Pengkalan Gawi adalah seperti dalam **Gambar 6** dan **Gambar 7**.

GAMBAR 6



Pengkalan Gawi, Tasik Kenyir
- Marina Pengkalan Gawi
(22.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 7



Pengkalan Gawi, Tasik Kenyir
- Marina Pengkalan Gawi
(Sumber: JKR Terengganu)

Maklum Balas JPNT pada 13 Julai, 10 Ogos dan 12 Oktober 2023

Kompleks dan Kuarters Kastam

- a. Bilangan kakitangan Kastam yang bertugas di Zon Bebas Cukai Tasik Kenyir adalah seramai 13 orang di mana lapan kakitangan menginap di kuarters. Pihak KQT memaklumkan bangunan kuarters dalam proses tender oleh pihak JKR bagi menaik taraf bangunan tersebut kepada institusi pendidikan. Kerja naik taraf bangunan tersebut dijangka siap dan akan mula beroperasi pada awal tahun 2025. Pihak Majlis Pengurusan Taman Negeri bercadang untuk mengisi kekosongan penggunaan pejabat Kompleks Pentadbiran Kastam untuk dijadikan Pejabat Operasi Taman Negeri Tasik Kenyir yang akan menempatkan staf pentadbiran dan renjer Taman Negeri Tasik Kenyir.
- b. Selain itu, bangunan kompleks Kastam juga dicadangkan untuk dijadikan sebagai galeri Geopark Tasik Kenyir memandangkan Tasik Kenyir telah diisytiharkan Geopark Tasik Kenyir pada 30 Mei 2023, Tapak Geo Kebangsaan yang ke-13. Senarai kuantiti (Bill of Quantities) dan rekabentuk bagi cadangan Projek Pembangunan Galeri Kenyir Geopark dalam peringkat penyediaan oleh Jurutera Daerah, JKR Daerah Hulu Terengganu melalui permohonan KETENGAH sebagai Pengerusi Jawatankuasa Promosi dan Pembangunan Pelancongan Kenyir Geopark.

Marina Pengkalan Gawi

- a. Berdasarkan keputusan MMKN kali ke 20 Tahun 2023 yang bermesyuarat pada 31 Mei 2023, Kerajaan Negeri bersetuju menyerahkan hak pengurusan dan pengoperasian aset di Pulau Poh termasuk Marina Pengkalan Gawi kepada pihak Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TI) iaitu anak syarikat Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, ketika penyerahan dibuat, pihak TI belum menyediakan perancangan secara keseluruhan. Ini kerana pembangunan di Pulau Poh masih belum siap sepenuhnya terutamanya projek pembinaan hotel Kerajaan yang kini sedang giat dipersiapkan. Kontraktor melalui mesyuarat khas penyiapan hotel Kerajaan yang dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri komited untuk menyiapkan hotel selewat-lewatnya pada 15 November 2023.
- b. Marina Pengkalan Gawi akan menjadi tempat utama penganjuran acara berskala besar yang mampu menampung ramai pengunjung dalam satu masa. Selain itu, ia juga akan menjadi pusat pelancongan utama di Tasik Kenyir memandangkan terdapat kemudahan terminal jeti serta penginapan hotel bertaraf 3 bintang berkapasiti 150 bilik. TI telah mengenal pasti operator bagi pengurusan Marina

Pengkalan Gawi iaitu TI Properties Sdn. Bhd.. Pengoperasian Marina Pengkalan Gawi dijangkakan akan bermula setelah pembinaan hotel Kerajaan siap sepenuhnya.

- c. Sebelum penyerahan kepada TI, JPNT telah melantik kontraktor bagi perkhidmatan kawalan keselamatan tanpa senjata dan kebersihan. Selain itu, JPNT juga membuat semakan berkala di tapak bagi pemeriksaan kerosakan memandangkan projek ini masih dalam tempoh tanggungan kecacatan. Laporan kerosakan dihantar kepada JKR bagi pemantauan pelaksanaan pembaikan kerosakan oleh kontraktor. Seterusnya, jeti sedia ada akan beroperasi seperti biasa untuk kegunaan penguat kuasa KETENGAH dan lawatan rasmi jabatan/agensi Kerajaan.

Pendapat Audit | Pembangunan Kompleks dan Kuarters Kastam serta Marina Pengkalan Gawi adalah memuaskan kerana berjaya disiapkan dengan lanjutan masa. Bagaimanapun, penggunaan kuarters Kastam dan Marina Pengkalan Gawi kurang memuaskan. Perancangan asal penggunaan kuarters tidak tercapai kerana keseluruhan 82 unit kuarters dijadikan pusat pengajian manakala Marina Pengkalan Gawi masih belum beroperasi sejak diserahkan kepada UPEN pada akhir tahun 2021.

b. Projek Terbengkalai

- i. Kos projek pembangunan di Pulau Bayas bernilai RM243.56 juta dan dibahagikan kepada enam pakej yang dilaksanakan oleh enam kontraktor berbeza. PP projek adalah KETENGAH dan skop kerja utama antaranya adalah pembinaan bangunan terminal utama, jeti penumpang dan bangunan Kenyir Trade Centre.
- ii. Semakan Audit mendapati Pakej 4 dan Pakej 6 telah siap dilaksanakan manakala **Pakej 1,2,3 dan 5 gagal disiapkan serta berada dalam keadaan terbengkalai sehingga tarikh pengauditan.** Maklumat lanjut status pelaksanaan projek mengikut pakej adalah seperti dalam **Jadual 5.**

JADUAL 5
STATUS PELAKSANAAN PROJEK DI PULAU BAYAS SEHINGGA DISEMBER 2022

PAKEJ	PERIHAL	KOS PROJEK (RM Juta)	STATUS
1	Kerja-kerja Membina dan Menyiapkan Bangunan Terminal Utama, Jeti Penumpang, Jeti Servis dan Kerja-kerja Berkaitan di Kenyir Trade Centre Pulau Bayas	79.59	TERBENGKALAI (80.8%)
2	Kerja-kerja Membina dan Menyiapkan Kompleks Membeli Belah dan Kerja-kerja Berkaitan di Kenyir Trade Centre Pulau Bayas	63.64	TERBENGKALAI (55%)
3	Kerja-kerja Membina dan Menyiapkan Pencawang Elektrik, Sistem Agihan Bekalan Tinggi & Rendah dan Kerja-kerja Berkaitan di Kenyir Trade Centre Pulau Bayas	8.92	TERBENGKALAI (73.5%)
4	Kerja-kerja Membina dan Menyiapkan Jalan Servis, Laluan Pendaratan Bot, Hentian Rehat, <i>Buggy Station</i> , <i>Buggy Lay By</i> , Wakaf, Sistem Paip Retikulasi, Sistem Paip Kumbahan dan Kerja-kerja Berkaitan di Kenyir Trade Centre Pulau Bayas	23.13	SIAP
5	Kerja-kerja Membina dan Menyiapkan Sistem Rawatan Air & Sistem Rawatan Kumbahan serta Kerja-kerja Berkaitan di Kenyir Trade Centre Pulau Bayas.	21.28	TERBENGKALAI (79.9%)
6	Cadangan Pembinaan Jalan Servis Pencawang Pembahagi Utama (PPU) ke Stesen Suis Utama (SSU) di Pulau Bayas, Tasik Kenyir	47	SIAP
JUMLAH		243.56	

Sumber: Laporan Projek Pembangunan di Tasik Kenyir oleh KETENGAH

- iii. Berdasarkan **Jadual 5**, **peratus kemajuan kerja bagi empat pakej terbengkalai adalah antara 55% hingga 80.8%. Selain itu, sebanyak 25 EOT telah diluluskan bagi empat pakej tersebut. Jumlah hari terlibat mengikut pakej adalah antara 1,459 hingga 1,778 hari.** Semakan Audit mendapati antara sebab permohonan EOT dibuat oleh kontraktor adalah masalah peningkatan/penurunan paras air di Tasik Kenyir, masalah kelewatan penyerahan tapak bina antara pakej di antara 102 hingga 365 hari dan masalah cuaca yang menyukarkan pelaksanaan kerja. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
MAKLUMAT EOT BAGI PAKEJ TERBENGKALAI

PAKEJ	BIL. EOT	TEMPOH	BIL. HARI
1	6	29.09.2013 – 24.04.2018	1,668
2	6	29.09.2013 – 15.02.2018	1,601
3	6	16.08.2012 – 14.08.2016	1,459
5	7	21.10.2012 – 02.09.2017	1,778
JUMLAH			6,506

Sumber: Laporan Projek Pembangunan di Tasik Kenyir oleh KETENGAH

- iv. Seterusnya, pihak Audit telah membuat penilaian terhadap prestasi tempoh penyiapan projek bagi pakej terbengkalai berbanding norma tempoh pembinaan projek. Asas pengiraan norma tempoh pembinaan projek adalah berdasarkan formula pengiraan yang dikeluarkan melalui Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya Bil.4/2015 bertarikh 10 Februari 2015 seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
FORMULA PENGIRAAN NORMA TEMPOH PENYIAPAN PROJEK

BIL.	JENIS PROJEK	FORMULA
1.	Projek Kejuruteraan Awam	$T = 223C^{0.33}$
2.	Kerja Bangunan	$T = 327C^{0.25}$

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: T = Tempoh Projek (hari bekerja sahaja)

C = Nilai anggaran kos projek

- v. Berdasarkan formula tersebut, tempoh penyiapan pakej terbengkalai **telah melebihi norma tempoh pembinaan iaitu sebanyak 161 hingga 231 minggu atau 56.9% hingga 75.5%** seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PERBANDINGAN TEMPOH PENYIAPAN BERBANDING NORMA TEMPOH PEMBINAAN

PAKEJ	KOS PROJEK* (RM Juta)	TEMPOH SIAP ASAL (MINGGU)	EOT		TEMPOH PENYIAPAN ASAL + EOT (MINGGU) (a)	NORMA TEMPOH PEMBINAAN PROJEK (MINGGU) (b)	BEZA	
			(HARI)	(MINGGU)			TEMPOH (MINGGU) (c) = (a)-(b)	PERATUS (%) (c/a)
1	70.99	78	1,668	238	316	136	180	57.0
2	57.95	78	1,601	228	306	129	177	57.8
3	8.91	34	1,459	208	242	81	161	66.5
5	13.28	52	1,778	254	306	75	231	75.5

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: (*) - Kos projek merujuk kepada kos asal projek yang dinyatakan dalam dokumen kontrak dan tidak melibatkan kos tambahan

- vi. Berikutan kegagalan kontraktor menyiapkan empat pakej tersebut, Kerajaan Negeri telah memutuskan agar penamatan khidmat kontraktor dibuat secara kaedah penamatan bersama. Perjanjian penamatan bersama telah ditandatangani pada 30 November 2022. **Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan, Kerajaan Negeri belum menetapkan hala tuju projek sama ada diteruskan atau dibatalkan.**

- vii. Selain itu, pihak Audit juga mendapati isu projek terbengkalai di Pulau Bayas telah mendapat liputan media. Contoh liputan media adalah seperti dalam **Keratan Akhbar 1** dan **Keratan Akhbar 2**.

KERATAN AKHBAR 1



Pulau Bayas, Tasik Kenyir
- Projek di Pulau Bayas Terbengkalai
(16.11.2019)
(Sumber: Berita Harian)

KERATAN AKHBAR 2



Pulau Bayas, Tasik Kenyir
- Projek di Pulau Bayas Terbengkalai
(16.11.2019)
(Sumber: Berita Harian)

- viii. Lawatan Audit telah diadakan pada 22 Mei 2023 bersama pegawai JPNT dan KETENGAH ke projek pembinaan di Pulau Bayas. Berdasarkan lawatan tersebut, pihak Audit mendapati **bangunan berada dalam keadaan terbiar dan rosak. Selain itu, terdapat *material on site* yang ditinggalkan di tapak pembinaan tidak lagi dapat digunakan seperti simen dan *rockwool insulation*.** Keadaan bangunan ketika lawatan adalah seperti dalam **Gambar 8** hingga **Gambar 15**.

GAMBAR 8



Pulau Bayas, Tasik Kenyir
- Bangunan Kenyir Trade Center Terbengkalai
(22.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 9



Pulau Bayas, Tasik Kenyir
- Kanvas Terminal Utama Rosak
(22.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 10



Pulau Bayas, Tasik Kenyir
- Bangunan TNB *Substation* Tidak Siap dan
Terbengkalai
(22.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 11



Pulau Bayas, Tasik Kenyir
- *Material on Site* (Simen dan Jubin) Terbiar
(22.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 12



Pulau Bayas, Tasik Kenyir
- Keadaan *Chiller* Terbiar dan Rosak
(22.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 13



Pulau Bayas, Tasik Kenyir
- *Material on Site* (Kerangka Bumbung) Terbiar
(22.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 14



Pulau Bayas, Tasik Kenyir
- *Material on Site* (Paip dan Kabel) Terbiar
(22.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 15



Pulau Bayas, Tasik Kenyir
- *Material on Site* (*Rockwool Insulation*) Terbiar
(22.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas JPNT pada 17 Julai dan 12 Oktober 2023

- a. MMKN kali ke-14 Tahun 2020 yang bersidang pada 6 Mei 2020 bersetuju dengan keputusan seperti berikut:
 - i. bersetuju JPNT dan KETENGAH mengemukakan pelan pembangunan baharu di Pulau Bayas sebelum Pakej 1, 2 dan 5 disambung semula; dan
 - ii. bersetuju Pakej 3 ditender semula sama ada melalui tender terbuka atau kaedah lain yang bersesuaian bagi menyiapkan projek.
- b. Sehubungan itu, halatuju pelan pembangunan baharu di Pulau Bayas akan dirangka dan dibincangkan dalam bengkel halatuju yang diterajui oleh JPNT dan KETENGAH dalam tempoh terdekat.
- c. Bengkel halatuju pembangunan Pulau Bayas tidak dapat diadakan dalam tempoh tiga tahun kerana menumpukan kepada pengurusan penamatan bersama yang mengambil masa dua tahun untuk mendapat persetujuan bersama dan selesai pada November 2022.
- d. Pakej 3 akan ditender semula seperti keputusan MMKN kali ke-14 Tahun 2020 selepas mengambil kira keputusan dan rumusan yang diputuskan dalam bengkel halatuju pembangunan Pulau Bayas yang diterajui oleh JPNT dan KETENGAH.

Pendapat Audit | **Pelaksanaan projek di Pulau Bayas tidak memuaskan kerana gagal disiapkan dan terbengkalai. Selain itu, hala tuju projek juga belum ditetapkan.**

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

- a. Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 1 Tahun 2022 - Anggaran Perbelanjaan Tahun 2022, Pegawai Pengawal dikehendaki mengambil langkah-langkah meningkatkan keberkesanan perbelanjaan awam dan mengutamakan keberhasilan (outcome) dalam melaksanakan sesuatu program/projek. Pegawai Pengawal hendaklah membuat penilaian terhadap program/projek sedia ada, menyusun semula program/projek mengikut keutamaan, mengelakkan pertindihan antara program/projek, menghentikan program/projek yang didapati tidak berkesan serta melaksanakan pengagihan semula sumber-sumber sedia ada seperti peruntukan, aset dan perjawatan.

- b. Objektif ZBCTK adalah membantu mengukuhkan fungsi Tasik Kenyir sebagai 'Pusat Pelancongan Bertaraf Antarabangsa'. Gabungan zon bebas cukai dengan tarikan sedia ada di Tasik Kenyir seperti Taman Herba dan Santuari Kelah akan menjadikan Tasik Kenyir satu destinasi yang ikonik untuk dilawati di negeri Terengganu.
- c. Semakan Audit mendapati pewartaan ZBCTK mula berkuat kuasa pada tahun 2017 dan KETENGAH telah dilantik sebagai Pihak Berkuasa Zon bagi ZBCTK. Sehubungan itu, **KETENGAH telah menyediakan Laporan Tahunan dan Akaun untuk dikemukakan kepada Kementerian Kewangan sejak tahun 2017.** Laporan tersebut mengandungi maklumat berkenaan aktiviti, pengendalian, penerimaan dan perbelanjaan berkaitan ZBCTK. Berdasarkan laporan tersebut, jumlah sasaran dan kedatangan sebenar pengunjung bagi tahun 2017 hingga 2022 adalah seperti dalam **Jadual 9.**

JADUAL 9
JUMLAH KEDATANGAN PENGUNJUNG KE TASIK KENYIR
BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2022

TAHUN	SASARAN (a)	PENCAPAIAN SEBENAR (b)	PERBEZAAN	
			BILANGAN PENGUNJUNG (c) = (b)-(a)	PERATUS (%) (d) = (c)/(a)
2017	1,000,000	808,336	(191,664)	(19.2)
2018	1,100,000	775,979	(324,021)	(29.5)
2019	800,000	607,398	(192,602)	(24.1)
2020	56,000	208,097	152,097	271.6
2021	300,000	277,969	(22,031)	(7.3)
2022	330,000	133,424	(196,576)	(59.6)
	3,586,000	2,811,203	(774,797)	(21.6)

Sumber: Laporan Tahunan dan Akaun oleh KETENGAH

- d. Berdasarkan **Jadual 9, pihak Audit mendapati sasaran kedatangan pengunjung yang ditetapkan tidak dapat dicapai bagi tahun 2017 hingga 2022 kecuali pada tahun 2020.** Kegagalan menyiapkan projek di Pulau Bayas yang bertujuan menjadikannya sebagai pulau bebas cukai menjadi antara punca sasaran yang ditetapkan tidak dicapai. Selain itu, Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan pada tahun 2020 hingga 2021 bagi mengekang penularan Covid-19 juga menyumbang kepada pencapaian sasaran.

Maklum Balas JPNT pada 10 Ogos 2023

- a. Penetapan sasaran pengunjung ke Tasik Kenyir bagi tahun 2017 dan 2018 adalah lebih tinggi kerana mengambil kira pembukaan Kenyir Trade Centre di Pulau Bayas, pembesaran Kenyir Water Park dan penganjuran/promosi. Penetapan sasaran tersebut juga mengambil kira Pelan Induk Pembangunan Pelancongan Bandar Baru Gawi 2016-2025.
- b. Penurunan kedatangan pengunjung pada tahun 2020 dan 2021 adalah disebabkan langkah Kerajaan dalam usaha mengekang penularan wabak pandemik Covid-19 melalui Perintah Kawalan Pergerakan. Selain itu, penurunan pada tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya pula dipengaruhi bencana banjir yang melanda dua kali pada tahun tersebut.

Pendapat Audit | Pencapaian keberhasilan ZBCTK tidak memuaskan kerana sasaran kedatangan pengunjung ke Tasik Kenyir tidak dicapai dalam tempoh tahun 2017 hingga 2022 kecuali pada tahun 2020.

5.1.3. Pengurusan

5.1.3.1. Peruntukan dan Perbelanjaan

- a. Bagi pelaksanaan tiga projek pembangunan ZBCTK, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sejumlah RM612.27 juta yang disalurkan kepada UPEN. Sehingga akhir tahun 2022, sejumlah RM548.08 juta atau 89.5% telah dibelanjakan. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROJEK PEMBANGUNAN
ZON BEBAS CUKAI DI TASIK KENYIR

BIL.	PROJEK	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS (%)
1.	Marina Pengkalan Gawi & Jambatan Pulau Poh, Tasik Kenyir	330.93	330.93	100
2.	Pembangunan Kompleks dan Kuarters Kastam	37.78	37.58	99.5
3.	Pembangunan Zon Bebas Cukai (Pulau Bayas)	243.56	179.57	73.7
JUMLAH		612.27	548.08	89.5

Sumber: Laporan Projek Pembangunan di Tasik Kenyir oleh KETENGAH

- b. Berdasarkan **Jadual 10**, sejumlah RM368.51 juta telah dibelanjakan dalam menyiapkan projek Marina Pengkalan Gawi serta kompleks dan kuarters Kastam. Sejumlah **RM179.57 juta telah dibelanjakan bagi projek pembangunan di Pulau Bayas. Bagaimanapun pembangunan projek di Pulau Bayas tersebut gagal disiapkan mengikut jadual ditetapkan serta berada dalam keadaan terbiar dan rosak.**

Maklum Balas JPNT pada 17 Julai dan 12 Oktober 2023

- a. MMKN kali ke-14 Tahun 2020 yang bersidang pada 6 Mei 2020 bersetuju dengan keputusan seperti berikut:
- i. bersetuju JPNT dan KETENGAH mengemukakan pelan pembangunan baharu di Pulau Bayas sebelum Pakej 1, 2 dan 5 disambung semula; dan
 - ii. bersetuju Pakej 3 ditender semula sama ada melalui tender terbuka atau kaedah lain yang bersesuaian bagi menyiapkan projek.
- b. Sehubungan itu, halatujū pelan pembangunan baharu di Pulau Bayas akan dirangka dan dibincangkan dalam bengkel halatujū yang diterajui oleh JPNT dan KETENGAH dalam tempoh terdekat.
- c. Bengkel halatujū pembangunan Pulau Bayas tidak dapat diadakan dalam tempoh tiga tahun kerana menumpukan kepada pengurusan penamatan bersama yang mengambil masa dua tahun untuk mendapat persetujuan bersama dan selesai pada Disember 2022.
- d. Pakej 3 akan ditender semula seperti keputusan MMKN kali ke-14 Tahun 2020 selepas mengambil kira keputusan dan rumusan yang diputuskan dalam bengkel halatujū pembangunan Pulau Bayas yang diterajui oleh JPNT dan KETENGAH.

Pendapat Audit	Prestasi perbelanjaan bagi projek Marina Pengkalan Gawi serta kompleks dan kuarters Kastam adalah baik kerana melebihi 95% dan projek dapat disiapkan. Bagaimanapun, prestasi perbelanjaan bagi projek di Pulau Bayas tidak memuaskan kerana projek gagal disiapkan dan terbengkalai walaupun peratus perbelanjaan mencapai 73.7%.
-----------------------	---

5.1.3.2. Penamatan Khidmat Kontraktor Pakej 1, 2, 3 dan 5

- a. Pekeliling Perbendaharaan - Pentadbiran Kontrak 4.1 para 7 menetapkan kaedah penamatan bersama tidak boleh dipertimbangkan atas sebab ketidakmampuan ataupun kemungkiran kontraktor dalam melaksanakan tanggungjawab kontraknya. Bagi mengelakkan kerugian di pihak Kerajaan dalam pentadbiran kontrak kerja, kaedah penamatan bersama hanya boleh dipertimbangkan dalam keadaan berikut:
- i. masalah pengambilan tanah yang berterusan bagi keseluruhan atau sebahagian daripada projek yang mana menyebabkan kerja-kerja sesuatu projek tidak dapat disiapkan;
 - ii. masalah peruntukan kewangan di pihak Kerajaan menyebabkan Kerajaan memutuskan supaya projek tidak diteruskan;
 - iii. **agensi pelaksana telah memastikan bahawa projek tidak dapat diteruskan sama ada secara undang-undang mahupun secara fizikal selepas kontrak diikat;** dan
 - iv. selaras dengan peruntukan perjanjian berasaskan Borang Standard JKR 203 yang telah memperuntukkan klausa yang membolehkan Penamatan Bersama, seperti berikut:
 - pemakaian klausa berkaitan *Force Majeure* disebabkan peristiwa yang terjadi di luar kawalan kedua-dua belah pihak yang menyebabkan pelaksanaan sesuatu projek itu menjadi mustahil setelah kontrak sesuatu projek itu diikat. Kejadian berlaku mestilah tidak disebabkan oleh kemungkiran mana-mana pihak kepada sesuatu kontrak tersebut; dan
 - pemakaian klausa Arahan Penangguhan Kerja yang mana Kerajaan terpaksa memberi Arahan Penangguhan Kerja selama 12 bulan berturut-turut atas sebab-sebab tertentu.
- b. Semakan Audit mendapati UPEN telah mengemukakan permohonan berkaitan Cadangan Penyelesaian Isu Projek Terbengkalai di Pulau Bayas kepada MMKN yang bermesyuarat pada 6 Mei 2020. Berdasarkan keputusan mesyuarat tersebut, **MMKN bersetuju penamatan bersama dibuat kerana KETENGAH telah memastikan projek tidak dapat diteruskan oleh kontraktor sama ada secara undang-undang mahupun secara fizikal selepas**

kontrak dimeterai. Perjanjian penamatan bersama selesai ditandatangani pada 30 November 2022. Kronologi proses penamatan kontraktor tersebut adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
KRONOLOGI PENAMATAN KERJA KONTRAKTOR

BIL.	TARIKH	PERIHAL	CATATAN
1.	06.05.2020	MMKN telah bermesyuarat bagi menimbang pengesyoran penamatan kontrak.	MMKN bersetuju: - Pakej 1,2 dan 5 ditamatkan secara penamatan bersama dengan had maksimum tuntutan oleh kontraktor sebanyak RM15 juta. KETENGAH, perunding projek, JKR dan UPEN diminta memulakan perundingan dengan kontraktor bagi menyelesaikan isu tuntutan. Kaedah penamatan bersama perlu mematuhi prosedur dan nilai muktamad diputuskan dalam Jawatankuasa Tuntutan Negeri. - Pakej 3 ditamatkan secara penamatan bersama dan perlu mematuhi prosedur Pekeliling Pentadbiran Kontrak 4.1 dan dipertimbangkan di peringkat Jawatankuasa Tuntutan Negeri.
2.	03.06.2020	Surat makluman persetujuan kepada kontraktor untuk melaksanakan penamatan bersama.	
3.	11.06.2020 14.06.2020 18.06.2020 18.06.2020	Surat maklum balas persetujuan diterima daripada kontraktor untuk melaksanakan penamatan bersama.	319727-W (Pakej 3) 653469-D (Pakej 5) 290095-T (Pakej 1) 543529-X (Pakej 2)
4.	09.08.2020 hingga 24.11.2022	Mesyuarat penyelarasan cadangan penamatan bersama	Mesyuarat bertujuan memuktamadkan harga penyelesaian antara kontraktor bagi pakej 1, 2 dan 5 dengan Kerajaan Negeri.
5.	30.11.2022	Perjanjian penamatan bersama ditandatangani untuk pakej 1,2,3 dan 5.	Jumlah keseluruhan tuntutan adalah RM7.81 juta

Sumber: Minit Mesyuarat Penyelarasan Cadangan Penamatan Bersama

5.1.3.3. Tuntutan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan Tidak Dapat Dikenakan

- a. Klausula 40.1 Perjanjian projek pembinaan bagi setiap pakej di Pulau Bayas menetapkan PP hendaklah mengeluarkan Certificate on Non Completion (CNC) bagi membolehkan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) dikenakan kepada kontraktor sekiranya gagal menyiapkan kerja mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Klausula 40.2 Perjanjian pula memperuntukkan bahawa setelah CNC dikeluarkan, Kerajaan berhak mengenakan LAD daripada kontraktor.
- b. Berdasarkan minit Mesyuarat Penyelarasan Cadangan Penamatan Bersama yang diadakan 14 September 2020, semakan Audit mendapati pengiraan LAD bermula daripada tarikh akhir EOT setiap pakej sehingga 1 Ogos 2018 (cut off date). Nilai

dikira berdasarkan kadar LAD yang telah ditetapkan dalam dokumen kontrak. Sehubungan itu, nilai LAD yang sepatutnya dikenakan adalah RM3.25 juta. Pengiraan terperinci nilai LAD mengikut pakej adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
PENGIRAAN NILAI LAD MENGIKUT PAKEJ

PAKEJ	TARIKH MULA LAD	CUT OFF DATE	KADAR PER HARI (RM)	BIL. HARI	NILAI LAD (RM Juta)
1	24.04.2018	01.08.2018	10,790.94	99	1.07
2	15.02.2018		8,808.48	167	1.47
3	15.08.2016		1,355.08	717	0.04*
5	02.09.2017		2,019.03	333	0.67
JUMLAH (RM)					3.25

Sumber: Minit Mesyuarat Penyelaras Cadangan Penamatan Bersama

Nota: (*) - $RM1,335.08 \times 717 \text{ hari} = RM971,592.36$

RM0.97 juta tolak RM0.93 juta (Potongan telah dibuat melalui interim) = RM0.04 juta

- c. Semakan lanjut Audit mendapati UPEN ada mengemukakan surat memohon pandangan Penasihat Undang-undang (PUU) Negeri Terengganu pada 14 September 2020. Tujuan surat tersebut adalah bagi mendapatkan pandangan perundangan sama ada Kerajaan Negeri berhak mengenakan LAD kepada kontraktor Pakej 1, 2 dan 5. Isu ini timbul berikutan pihak PP tidak mengeluarkan CNC kepada kontraktor terlibat, sebaliknya makluman atau notifikasi berkaitan LAD hanya dilakukan melalui pengeluaran surat amaran bertarikh 16 Julai 2018. Sehubungan itu, **terdapat ketidakpatuhan kepada prosedur LAD sebagaimana Klausu 40.2 Perjanjian.**
- d. Berdasarkan maklum balas PUU bertarikh 30 November 2020, Kerajaan Negeri tidak berhak mengenakan LAD kepada kontraktor Pakej 1, 2 dan 5 atas faktor-faktor berikut:
 - i. ketiadaan bukti penyerahan CNC kepada kontraktor;
 - ii. ketiadaan perakuan penerimaan CNC oleh kontraktor; dan
 - iii. bersandarkan kepada dapatan mahkamah di dalam dua kes yang dirujuk bagi isu yang sama.
- e. Bagi kontraktor Pakej 3, Kerajaan Negeri boleh mengenakan LAD berjumlah RM0.04 juta kerana CNC telah dihantar secara pos berdaftar pada 17 November 2017 dan telah diakui penerimaan oleh kontraktor terlibat.

- f. Seterusnya, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Penyelarasan Rundingan Tuntutan yang diadakan pada 10 Oktober 2021 telah bersetuju memuktamadkan nilai tuntutan bagi penamatan bersama berjumlah RM7.81 juta. Maklumat lanjut nilai tuntutan mengikut pakej adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
NILAI TUNTUTAN MENGIKUT PAKEJ

PAKEJ	TUNTUTAN KONTRAKTOR (RM Juta)	TUNTUTAN KERAJAAN (RM Juta)	JUMLAH DIBAYAR/ (DITERIMA) (RM Juta)
PAKEJ 1	5.55	0.65	4.90
PAKEJ 2	1.82	0.85	0.97
PAKEJ 3	0.10	0.14	(0.04)
PAKEJ 5	2.18	0.20	1.98
JUMLAH	9.65	1.84	7.81

Sumber: Perjanjian Penamatan Bersama

- g. Berdasarkan **Jadual 13**, sekiranya prosedur LAD sebagaimana diperuntukkan dalam Perjanjian dipatuhi sepenuhnya, **Kerajaan Negeri dapat mengenakan LAD kepada kontraktor terlibat sejumlah RM3.21 juta**. Pengiraan perbezaan tuntutan sekiranya LAD bagi Pakej 1,2 dan 5 dapat dikenakan adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
PERBEZAAN AMAUN TUNTUTAN DENGAN MENGAMBIL KIRA LAD

PERIHAL TUNTUTAN	TUNTUTAN KONTRAKTOR (RM Juta)	TUNTUTAN KERAJAAN (RM Juta)	PERBEZAAN (RM Juta)
TANPA LAD	9.65	1.84	7.81
DENGAN LAD	9.65	5.05	4.60
PERBEZAAN (RM)			3.21

Sumber: Minit Mesyuarat Penyelarasan Cadangan Penamatan Bersama

Maklum Balas JPNT pada 10 Ogos 2023

Bagi pakej 1, 2 dan 5, CNC telah disediakan dan diluluskan dengan tandatangan pegawai penguasa namun tiada rekod penyerahan CNC kepada kontraktor. Bagaimanapun, makluman berkenaan CNC dan pengenaan LAD sentiasa dimaklumkan dalam beberapa sesi mesyuarat tapak dan menerusi Surat Amaran Bagi Kemungkinan Kontraktor.

Pendapat Audit | Ketidakpatuhan kepada prosedur menyebabkan Kerajaan Negeri tidak dapat mengenakan LAD sejumlah RM3.21 juta kepada kontraktor terlibat.

5.1.3.4. Kawalan Keselamatan di Tapak Bina Tidak Disediakan Selepas Penamatan Bersama

- a. Berdasarkan Perkara 12.6.1.(c) Garis Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya Edisi Ketiga, prosedur penamatan pengambilan kerja kontraktor antaranya menghendaki supaya tapak projek ditutup dan perkhidmatan pengawal keselamatan 24 jam dilaksanakan di tapak projek. Perkhidmatan pengawal keselamatan hendaklah dibuat sehingga tapak projek diserahkan kepada kontraktor baharu. Langkah ini bertujuan memastikan tiada sesiapa pun dibenarkan masuk atau berada di tapak projek dan tiada sebarang peralatan dibawa keluar dari tapak projek tanpa kebenaran bertulis daripada PP.
- b. Lawatan Audit pada 22 Mei 2023 bersama pegawai JPNT dan KETENGAH mendapati **tiada kawalan keselamatan disediakan di tapak bina oleh PP bagi menjamin keselamatan tapak pembinaan dan *material on site* yang ditinggalkan. Ketiadaan kawalan keselamatan menyebabkan berlaku aktiviti laku musnah (vandalisme) dan kehilangan peralatan di tapak projek** seperti dalam **Gambar 16** hingga **Gambar 19**.

GAMBAR 16



Pulau Bayas, Tasik Kenyir
- Kabel Dalam Paip di Bangunan
Terminal Utama Hilang
(22.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 17




Pulau Bayas, Tasik Kenyir
- Peralatan Dalam Bangunan
TNB Substation Hilang
(22.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 18



Pulau Bayas, Tasik Kenyir
- Komponen Kotak Suis Hilang
(22.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 19



Pulau Bayas, Tasik Kenyir
- Komponen Tembaga Dalam Chiller Hilang
(22.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- c. Semakan lanjut Audit mendapati kehilangan peralatan di tapak tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa. Kehilangan dan kerosakan peralatan tersebut akan mengakibatkan Kerajaan Negeri menanggung kos tambahan sekiranya projek tersebut diteruskan.

Maklum Balas JPNT pada 10 Ogos 2023

Kawasan sekitar Pulau Bayas merupakan laluan utama bot penguat kuasa KETENGAH melaksanakan tugas kawalan di Pos Kawalan Sungai Petang dan Sungai Leban Terengganu. Penguat kuasa KETENGAH sentiasa melaksanakan rondaan secara berkala menggunakan bot di sekitar kawasan Pulau Bayas secara puratanya dua kali seminggu. Bagaimanapun, aktiviti rondaan hanya dilaksanakan pada waktu siang sahaja. Rondaan pada waktu malam tidak dapat dilaksanakan atas faktor keselamatan dan risiko kemalangan untuk ke pulau tersebut. KETENGAH telah mengemukakan permohonan penyediaan perkhidmatan kawalan keselamatan di tapak bina projek Pulau Bayas kepada UPEN pada 7 Ogos 2023.

Pendapat Audit

Kegagalan menyediakan kawalan keselamatan di tapak menyebabkan berlaku aktiviti laku musnah dan kehilangan peralatan di tapak bina.

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Pembangunan Tasik Kenyir sebagai zon bebas cukai dilaksanakan bertujuan untuk mengukuhkan fungsi Tasik Kenyir sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa. Sebanyak tiga projek pembangunan telah dirancang dengan peruntukan daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM612.27 juta. Bagaimanapun, hanya dua projek dapat disiapkan iaitu Marina Pengkalan Gawi serta kompleks dan kuarters Kastam dengan kos RM368.51 juta. Manakala projek pembangunan Pulau Bebas Cukai (Pulau Bayas) yang menelan belanja sejumlah RM179.57 juta gagal disiapkan dan terbengkalai. Ini menyebabkan objektif pembangunan zon bebas cukai di Tasik Kenyir tidak tercapai kerana ia merupakan komponen utama pembangunan ZBCTK. Selain itu, ketidakpatuhan kepada prosedur LAD menyebabkan Kerajaan Negeri tidak dapat mengenakan LAD sejumlah RM3.21 juta. Kegagalan penyediaan kawalan keselamatan di tapak projek selepas penamatan bersama juga telah menyebabkan berlaku kerosakan dan kehilangan peralatan.

7. SYOR AUDIT

Berdasarkan penemuan Audit yang telah dibangkitkan, Jabatan Audit Negara mengesyorkan UPEN mengambil tindakan berikut:

- 7.1. menentukan hala tuju projek di Pulau Bayas agar tindakan bersesuaian dapat diambil kerana sejumlah RM179.57 juta telah dibelanjakan untuk projek ini; dan
- 7.2. mengenal pasti punca ketidakpatuhan prosedur LAD yang mengakibatkan Kerajaan Negeri tidak dapat mengenakan LAD sejumlah RM3.21 juta.